

Headline **UPM, MOSTI jalin kerjasama penyelidikan**
Date **15. Mar 2009** Language **MALAY**
Media Title **Sinar Harian** Page No **28**
Section **Selangor & KL** Article Size **121** cm2
Circulation **60000** Frequency **Daily**
Readership **0** Color **Black/White**
AdValue **484.48**



penyelidikan bioteknologi pertanian UPM, MOSTI jalin kerjasama penyelidikan

SERDANG – Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan (INTROP), Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalinkan kerjasama penyelidikan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI) menerusi program Brain Gain Malaysia bertajuk 'Kawalan Diversiti dan Keseimbangan Karbon Hutan Tropika'.

Pengarah INTROP, Prof. Madya Dr. Jalaluddin Harun berkata, projek itu mendapat pembiayaan sebanyak RM477,000 adalah bertujuan untuk membuat penilaian terhadap simpanan karbon semasa dan masa hadapan di hutan Malaysia.

Menurutnya, projek penyelidikan itu akan dilaksanakan sehingga Oktober 2010 dan dikendalikan di bawah Laboratori Pengurusan Biosumber Mampan, INTROP yang diketuai Prof Dr Nor Aini Ab Shukor bersama penyelidik yang terlibat iaitu Prof Mohd Basri Hamzah, Prof Dr Jonathan Miles Adam dan Prof Madya Dr Ainuddin Nuruddin.

"Usaha sama ini memperkukuhkan lagi hubungan dua hala penyelidikan dalam bidang bioteknologi pertanian antara UPM dengan Rutgers University, Amerika Syarikat, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

"Penyelidikan ini dijangka dapat menghasilkan lima penerbitan dalam bentuk jurnal berimpak tinggi serta laporan teknikal," katanya.

Beliau berkata, kerjasama R&D itu meletakkan INTROP sebagai institusi rujukan dalam bidang pengurusan hutan mampan terutama penerokaan karbon dan biodiversiti dinamik hutan tropika serta perubahan iklim global.

Memorandum perjanjian (MoA) tersebut ditandatangani Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Abu Bakar Salleh mewakili UPM dan Timbalan Setiausaha Am (Polisi), Datin Madinah Mohamad mewakili MOSTI yang disaksikan Pengarah Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan (INTROP), Prof. Madya Dr. Jalaluddin Harun dan Ketua Seksyen (Perancangan Strategik) MOSTI, Hathija Bebe Abdul Majeed.